

# PEKELILING NAIB CANSELOR

Bilangan 03 Tahun 2022

## PEKELILING PELAKSANAAN SEMAKAN REKOD ADUAN DAN TATATERTIB BAGI PELANTIKAN PENSYARAH KE JAWATAN PENTADBIR AKADEMIK

### 1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf universiti berkenaan keperluan membuat semakan rekod aduan dan tatatertib bagi setiap pelantikan pensyarah ke jawatan Pentadbir Akademik.

### 2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Integriti merupakan salah satu nilai universiti yang perlu dijiwai dan dihayati oleh semua warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam setiap amanah dan tanggungjawab yang dilaksanakan termasuklah dalam konteks pelantikan pensyarah sebagai Pentadbir Akademik.
- 2.2 Pensyarah yang dilantik perlulah mempunyai nilai integriti dan etika yang tinggi selain daripada pengetahuan dalam aspek akademik untuk memainkan peranan sebagai seorang Pentadbir Akademik di Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- 2.3 Bagi memberi keyakinan kepada Ketua PTJ yang melantik Pentadbir Akademik serta ingin menjaga imej serta reputasi universiti, pihak pengurusan universiti berpandangan setiap daripada Pentadbir Akademik perlulah disaring terlebih dahulu agar pelantikan tersebut tidak akan dipertikaikan kelak disamping dapat menjaga keharmonian PTJ dan universiti.
- 2.4 Sehubungan itu, Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bilangan 1 bertarikh 5 Januari 2022 telah meluluskan bahawa setiap calon Pentadbir Akademik hendaklah melalui semakan rekod aduan dan tatatertib dengan Unit Integriti UiTM.

### **3.0 TAFSIRAN**

**Bagi maksud Pekeliling ini,**

- 3.1 Rekod aduan bermaksud rekod yang pernah diterima Unit Integriti terhadap staf serta tindakan yang pernah diambil terhadapnya.
- 3.2 Rekod tatatertib bermaksud rekod sama ada staf berkenaan dalam prosiding tatatertib atau mempunyai rekod hukuman tatatertib.

### **4.0 PELAKSANAAN**

- 4.1 Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlulah menghantar senarai nama kepada Ketua Unit Integriti melalui emel [unitintegriti@uitm.edu.my](mailto:unitintegriti@uitm.edu.my) dengan disertai maklumat berikut:
  - 4.1.1 Per: Semakan Rekod Aduan Dan Tatatertib
  - 4.1.2 No. Staf;
  - 4.1.3 Nama penuh;
  - 4.1.4 Jabatan terkini;
  - 4.1.5 Jabatan hakiki;
  - 4.1.6 Jawatan terkini;
  - 4.1.7 Jawatan yang ingin dilantik;
- 4.2 Semakan rekod mengambil masa sekurang-kurangnya tujuh (7) hari dari tarikh penghantaran permohonan.
- 4.3 Proses kerja saringan rekod aduan dan tatatertib dan borang semakan rekod aduan dan tatatertib staf seperti di lampiran 1.

### **5.0 TARIKH DIKELUARKAN**


Pekeliling ini dikeluarkan pada 24 Januari 2022.

### **6.0 TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa 24 Januari 2022.

## 7.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA.




**PROFESSOR Ts. DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**  
Naib Canselor

*Dikelilingkan Kepada:*  
Semua Timbalan Naib Canselor  
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan-Dekan Fakulti  
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil. Fail : 100-UiTm. (6/2)  
No. Siri : 100-UiTM (NC 6/2) 3/2022

**PROSES KERJA SARINGAN REKOD ADUAN DAN TATATERTIB**



**SULIT**

**SEMAKAN REKOD ADUAN DAN TATATERTIB STAF**

Bil.	No. Staf	Nama	Jabatan Terkini	Jabatan Hakiki	Jawatan Terkini	Jawatan Yang Ingin Dilantik	Rekod (Untuk Kegunaan Unit Integriti sahaja)

*(Untuk kegunaan Unit Integriti sahaja)*

Disahkan oleh:

Nama : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_

- 
- Maklumat ini diklasifikasikan sebagai SULIT dan pemohon adalah bertanggungjawab memastikan ianya terpelihara dan hanya digunakan untuk tujuan seperimana yang dimohon
  - Maklumat ini hanya untuk kegunaan pemohon dan tidak boleh dipanjangkan kepada mana-mana pihak tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Unit Integriti

**SULIT**